

12 NOV 1999
Samy-Calon
EMPAT ANGGOTA PARLIMEN MIC DIGUGURKAN

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- MIC dijangka menggugurkan empat daripada tujuh anggota parlimen dan hampir 50 peratus daripada 15 anggota dewan undangan negerinya, kata presiden parti Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata calon MIC bagi pilihan raya umum pada 29 Nov ini akan diumumkan pada pukul 11 pagi Rabu (17 Nov) selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri dan pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya akan menemui Dr Mahathir pada 16 Nov untuk mendapatkan persetujuannya berhubung senarai itu," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Samy Vellu juga mengesahkan bahawa beliau akan mempertahankan kerusi parlimen Sungai Siput.

Pada pilihan raya umum 1995, MIC memenangi kesemua tujuh kerusi parlimen dan 15 kerusi negeri yang ditandinginya.

Kerusi parlimen itu ialah Sungai Siput dan Tapah (Perak), Kapar, Subang dan Hulu Selangor (Selangor), Teluk Kemang (Negeri Sembilan) dan Segamat (Johor).

Lima belas kerusi dewan undangan negeri itu ialah Ijok, Kota Raja dan Sungai Tua (Selangor), Hutan Melintang, Sungkai dan Pasir Panjang (Perak), Pasir Gudang dan Tenggara (Johor), Sabai (Pahang), Jeram Padang dan Sirusa (Negeri Sembilan), Bukit Selambau dan Lunas (Kedah), Prai (Pulau Pinang) dan Bukit Asahan (Melaka).

Sumber-sumber parti berkata selain Samy Vellu, anggota parlimen yang akan dikekalkan ialah timbalan presiden MIC Datuk S.Subramaniam (Segamat) dan naib presiden Datuk G.Palanivel (Hulu Selangor).

Anggota parlimen yang dijangka digugurkan ialah naib presiden Datuk K.Kumaran (Tapah), Dr Leela Rama (Kapar), Dr L.Krishnan (Teluk Kemang) dan Datuk M.Mahalingam (Subang) yang sebelum ini mengumumkan bahawa beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum kali ini.

Samy Vellu tidak menyebut sama ada MIC akan bertukar mana-mana kerusi parlimen atau dewan undangan negeri dengan parti-parti komponen BN yang lain.

Samy Vellu juga enggan memberitahu nama muka-muka baru itu.

"Saya telah merangka satu carta tetapi seperti yang saudara dapat lihat, saya belum meletakkan nama calon di kawasan masing-masing," katanya.

Ketika temubual itu berlangsung, beberapa orang yang "bercita-cita untuk menjadi calon" berada di luar pejabatnya, dengan harapan untuk menemui Samy Vellu.

Bagaimanapun, beliau tidak dapat menemui mereka kerana terpaksa bergegas untuk menghadiri pengebumian bekas ketua Pemuda MIC S.Subramaniam, atau lebih dikenali sebagai City Maniam yang ditemui mati di apartmennya di sini semalam.

Mengenai kenyataan naib pengerusi DAP M.Kulasegaran semalam bahawa parti itu akan meletakkan seorang calon yang berwibawa untuk menentang Samy Vellu di Sungai Siput, Samy Vellu berkata: "Tidak ada calon DAP yang akan menjejaskan saya."

Samy Vellu berkata beliau telah "melihat ramai calon DAP yang berwibawa dan telah menewaskan mereka."

Beliau bagaimanapun berkata beliau akan terkejut jika setiausaha agung DAP Lim Kit Siang mencabarnya di Sungai Siput pada pilihan raya umum akan

datang.
-- BERNAMA
ES AKD